

SAWIT

MPOB MENJANA PERUBAHAN INDUSTRI SAWIT

Terbit pada Sabtu minggu pertama setiap bulan



Usaha perkukuh industri sawit diteruskan ▶ MUKA 3

Malaysia tinjau program biodiesel Indonesia ▶ MUKA 5



Kesinambungan penyelidikan dan pembangunan, industri sawit negara telah berubah menjadi pengeluar dan pengeksport utama produk berasaskan sawit meliputi aplikasi makanan dan bukan makanan”

Datuk Seri Mah Siew Keong,
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi



Industri sawit negara sambut ulang tahun ke-100 pada 18 Mei 2017

➔ Tanaman paling produktif hasilkan minyak, penuhi keperluan global

Oleh **Fadzil Ghazali**
afadzilg@mpob.gov.my

✦ **Bangi**

Dalam masa 12 hari lagi, Malaysia akan meraikan ulang tahun ke-100 industri sawitnya yang mula dibangunkan secara komersial pada tahun 1917. Sambutan gemilang ini akan

diadakan pada 18 Mei 2017 di tapak industri ini bermula iaitu di Ladang Tennamaram, Kuala Selangor oleh peneroka berbangsa Perancis, Henri Fauconnier.

Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak akan merasmikan majlis bersejarah ini.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Datuk Seri Mah Siew Keong, berkata meskipun sawit bermula sebagai tanaman hiasan, ianya kini satu tanaman paling produktif menghasilkan minyak sayuran di samping memenuhi keperluan makanan global.

Raih banyak kejayaan

“Sememangnya kita telah meraih banyak kejayaan semenjak tanaman komersial sawit pertama diusahakan di Ladang Tennamaram, Selangor pada tahun 1917. Melalui kesinambungan penyelidikan dan pembangunan, industri sawit negara telah berubah menjadi pengeluar dan pengeksport utama produk berasaskan sawit meliputi aplikasi makanan dan bukan makanan,” kata beliau dalam pesanan aluan di laman sosial sempena sambutan 100 tahun industri sawit Malaysia.

Sepanjang tempoh 100 tahun industri sawit Malaysia telah melalui beberapa peringkat perubahan penting. Penubuhan ladang sawit pertama di Rantau Panjang, Selangor pastinya merupakan titik bersejarah untuk industri ini.

Era 1930an juga menyaksikan industri mengorak langkah ke peringkat pembangunan pemprosesan bersepadu dan eksport pada skala besar.

Ini melibatkan pengangkutan buah sawit ke fasiliti pemprosesan yang direka khas untuk pasaran eksport. Hasil dari perkembangan ini, produk berasaskan sawit daripada Malaya pada masa itu adalah lebih berkualiti berbanding dengan produk daripada Afrika yang masih dihasilkan oleh kilang berskala kecil.

Ini telah mewujudkan standard sawit untuk peringkat global dan secara langsung meletakkan industri sawit di Asia Tenggara sebagai pelopor industri yang lebih maju berbanding dengan saingannya.

Era 1970an turut merupakan titik bersejarah untuk industri ini. Pada masa itu kerajaan Malaysia

menggalakkan pembangunan industri hiliran serta pempelbagaian produk eksport negara. Institut Penyelidikan Minyak Sawit Malaysia atau PORIM telah diwujudkan pada era ini.

Langkah berwawasan ini secara langsung memperhebatkan kerjasama antara sektor awam dan swasta dalam membangunkan industri sawit negara di mana eksport sawit telah dipelbagaikan kepada penghasilan produk berasaskan sawit dengan nilai tambah.

Taraf kehidupan berjuta rakyat Malaysia juga telah berubah dengan kewujudan industri sawit. Ramai yang berjaya membebaskan diri daripada belunggu kemiskinan dengan menjadi pekebun kecil sawit. Program pekebun kecil adalah antara faktor mendorong industri ini untuk terus mencatat pertumbuhan untuk ekonomi negara.

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan atau FELDA yang ditubuhkan pada tahun 1956 telah memulakan program penanaman sawit untuk peneroka pada tahun 1961.

Bantu 120,000 keluarga

Program penanaman sawit untuk pekebun kecil FELDA ini telah membantu lebih 120,000 keluarga meningkatkan taraf kehidupan masing-masing. Manfaat program ini masih dinikmati sehingga hari ini terutamanya di kawasan luar bandar.

Era hujung 1970an dan awal 1980an menyaksikan percambahan industri sawit yang membuka laluan untuk industri oleokimia bertapak di Malaysia. Kesannya amat ketara kerana sektor oleokimia membuka penghasilan aplikasi bukan makanan yang luas untuk industri itu.

Prospek industri sawit dijangka akan terus cerah. Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong ini berdasarkan kepada jumlah penduduk dunia yang terus meningkat setiap tahun.

“Inovasi akan memacu industri ini untuk terus maju. Saya yakin 100 tahun akan datang akan menyaksikan industri ini menjadi lebih inovatif, produktif dan berdaya maju seperti mana yang telah dipamerkan 100 tahun lalu,” tambah beliau.

Industri sawit negara akan mencatat sejarah dengan sambutan 100 tahun penanaman sawit secara komersial pada 18 Mei 2017. Sambutan kegemilangan industri sawit negara akan diadakan di tapak bermula penanaman sawit secara komersial yang pertama di Ladang Tennamaram, Kuala Selangor.

Mula diperkenalkan sebagai tanaman hiasan, yakin dengan potensi sawit, Henri Facounnier telah merintis usaha memulakan penanaman secara komersial. Terbukti ia merupakan pilihan tepat, kini sawit merupakan tanaman paling produktif menghasilkan minyak bagi memenuhi keperluan makanan dunia.

Dalam jangka 100 tahun, industri sawit telah melalui perubahan dinamik dari tanaman kepada pengilangan dan pemrosesan yang menghasilkan kepelbagaian produk berasaskan sawit. Kemajuan penyelidikan yang diterajui oleh MPOB telah menyumbang kepada kemajuan industri sawit negara yang menjadi pengeluar dan pengeksport utama produk sawit. Minyak sawit dan produk keluarannya diguna secara meluas dalam aplikasi makanan dan bukan makanan.

Bagi menjana kemajuan industri sawit, MPOB akan meneruskan usaha mencapai lebih banyak kecemerlangan dan mengukuhkan hala tuju melalui penyelidikan dan kawal selia bagi pembangunan mampan, berdaya saing dan dinamik seiring perkembangan di peringkat global.

Ke arah kegemilangan berpanjangan, penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang menjana teknologi serta inovasi akan terus diberi tumpuan khusus oleh MPOB.

Dalam konteks penyelidikan, MPOB juga menjalin kerjasama dengan pihak industri dan sektor swasta bagi pengkomersialan teknologi. Terbaru, MPOB mengadakan kerjasama dengan Sime Darby Plantation membangunkan teknologi pengeluaran makanan ternakan berasaskan isirung sawit. Ini akan menyumbang kepada sektor pengeluaran makanan haiwan dan ternakan negara. Penggunaan dedak isirung sawit yang kaya dengan protein sebagai ramuan dalam makanan haiwan memberi manfaat kepada sektor penternakan dan mengurangkan import produk makanan haiwan.

Menyentuh cabaran yang ditempuhi industri sawit sepanjang 100 tahun ini, antara tumpuan penting adalah penggunaan tanah pertanian secara cekap, produktiviti, tenaga buruh, isu pemakanan dan kemampanan. Kerajaan dengan sokongan dan kerjasama pihak industri telah berjaya menangani cabaran dengan baik. Sejarah cenderung untuk berulang, terutamanya yang sering dilaungkan oleh pihak Barat berkaitan alam sekitar, biodiversiti dan aspek pemakanan.

Terkini usul diskriminasi sawit yang diluluskan oleh Parlimen Eropah yang mengaitkan industri sawit dengan kemusnahan hutan tropika. Malaysia antara negara yang lantang menentang usul ini sekeras-kerasnya kerana ia menjejaskan pasaran dan perdagangan minyak sawit serta pendapatan pekebun kecil.

Dalam pada itu, semua pihak dalam industri perlu mempertingkatkan kualiti minyak sawit. Kerajaan menyediakan dana RM50 juta untuk pihak industri bekerjasama meningkatkan kualiti minyak sawit. Dana akan diberikan sebagai geran bagi penyelidikan saintifik peningkatan kualiti minyak sawit.

Industri sawit terutama di sektor huluan memerlukan tenaga kerja mahir untuk kekal bersaing dengan sektor lain. Penggunaan jentera dikenal pasti sebagai strategi penting meningkatkan produktiviti pekerja. Kerajaan menyediakan Dana Mekanisasi Ladang Sawit dengan pelaburan awal berjumlah RM30 juta bagi memudahkan penyelidikan dan inovasi jentera perladangan sawit. Inisiatif ini juga diharap akan dapat mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing di ladang-ladang sawit.

Pelbagai asas dalam memperkasakan industri sawit melalui R&D bertaraf dunia, teknik pertanian yang mampan dan berinovasi disertai komitmen tinggi dan tanggungjawab Kerajaan bagi kemajuan masyarakat dan negara.

Minyak sawit Malaysia ternyata mengubah dunia. 2017 adalah detik untuk mengimbas kejayaan dan pencapaian cemerlang industri sawit negara setelah 100 tahun ditanam secara komersial. Sokongan dan kerjasama semua pihak terutama penggiat industri membantu memakmur dan memperkasakan industri sawit wajar diraikan bersama.

kushairi@mpob.gov.my



MINDA
Dr Ahmad
Kushairi Din

Ketua Pengarah
MPOB



Datuk Seri Mah Siew Keong ketika melancarkan makanan ternakan ayam jenama 'PURA FEX'

Makanan ternakan berasaskan isirung sawit dilancar

➔ **PKC yang kaya dengan protein dan sesuai untuk dicampur dengan komponen lain**

Oleh **Noor Asmawati Abdul Samad**
watie@mpob.gov.my

► **Pulau Carey**

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong melancarkan teknologi sistem pra pembersihan dan produk ramuan bagi makanan ternakan berasaskan isirung sawit, di sini baru-baru ini.

Sistem pra pembersihan bagi penghasilan produk makanan ternakan daripada dedak isirung sawit telah dibangunkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dengan kerjasama Sime Darby Plantation Sdn Bhd dan Hur Far Engineering sejak tahun 2014.

Datuk Seri Mah Siew Keong ketika berucap di majlis pelancaran berkata, industri ternakan negara kini bernilai berbilion ringgit dan makanan ternakan adalah aspek penting dalam industri ini.

Katanya, sejak sekian lama industri minyak isirung sawit turut menyumbang kepada sektor pengeluaran makanan haiwan ternakan. Industri pengilangan isirung sawit yang menghasilkan minyak isirung sawit turut mengeluarkan produk sampingan

iaitu dedak isirung sawit (PKC) yang digunakan sebagai komponen untuk pengeluaran makanan haiwan ternakan.

"Pada masa ini terdapat 45 kilang pelumat isirung sawit yang beroperasi di Malaysia yang mengeluarkan PKC. Pada 2016, Malaysia mengeluarkan 2.17 juta tan PKC. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh MPOB, penggunaan dedak isirung sawit pada haiwan ternakan dan haiwan lain boleh menjadi setinggi 25% untuk ayam dan sehingga 80% untuk lembu.

Katanya, PKC menjadi makanan gred protein sederhana dengan kandungan serat yang tinggi dan sering dianggap sebagai sesuai untuk memberi makanan ruminan. Walau bagaimanapun, ia masih tidak sesuai untuk sektor ayam kerana kandungan serat yang tinggi dan ciri-ciri biologi burung.

Inovasi semakin canggih

"Hari ini dengan inovasi dan teknologi yang semakin canggih yang dihasilkan oleh MPOB dengan kerjasama Sime Darby Plantation, PKC yang kaya dengan protein dan sesuai untuk dicampur dengan komponen lain untuk makanan ternakan ayam berjaya dihasilkan.

"Ini merupakan satu pencapaian yang besar. Sistem pra-cucian yang telah dipasang ke dalam kemudahan Sime Darby Plantation di sini sebenarnya boleh mengurangkan kandungan tempurung dalam isirung sawit melalui penggunaan teknologi yang dihasilkan oleh MPOB merupakan sistem kering dan mesra alam.

Katanya lagi, kandungan nutrisi makanan ternakan bukan sahaja dipengaruhi oleh ramuan, tetapi

turut mengambil kira kebersihan, aspek penghadaman dan kesihatan kepada usus haiwan. Makanan tambahan yang digunakan secara meluas dalam ternakan haiwan moden adalah penting bagi meningkatkan kesejahteraan ternakan serta memaksimumkan keuntungan penternak.

"Makanan tambahan menyediakan kandungan dengan nutrien yang tidak ada pada makanan biasa dan membantu meningkatkan prestasi fungsi imunisasi, kesihatan usus dan tumbesaran haiwan ternakan.

Beliau menambah, kekangan yang menghalang industri ternakan daripada tumbuh adalah kos makanan haiwan, di mana secara umum, ia menyumbang lebih daripada 25% daripada jumlah kos pengeluaran ternakan.

"Tambahan pula, kos yang berbeza untuk jenis ternakan dan ia adalah tinggi dalam hal ayam", katanya.

Katanya, melihat kepada populariti ayam sebagai sumber paling murah protein di Malaysia, kita boleh menjangkakan bahawa permintaan untuk makanan ternakan, terutamanya ternakan ayam, akan terus kekal kukuh.

Sementara itu bahan utama makanan haiwan ternakan selama ini ialah jagung yang diimport dari Argentina dan Brazil. Pada tahun 2015, Malaysia mengimport jagung dari Argentina dan Brazil masing-masing dengan nilai AS\$415 juta dan AS\$321 juta. Oleh itu, jumlah import itu akan terus meningkat jika tidak kita mengurangkan komponen jagung dalam pengeluaran bahan mentah makanan ternakan.

MPOB meterai 2 memorandum persefahaman di India



Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din bertukar memorandum persefahaman dengan Naib Canselor ICT Mumbai, Prof G D Yadav sambil disaksikan Perdana Menteri Malaysia dan Perdana Menteri India.

Dr Nagendran Balasundram
nagen@mponb.gov.my

New Delhi: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) memeterai dua memorandum persefahaman (MoU) sempena lawatan rasmi Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Razak ke India yang berlangsung 30 Mac hingga 4 April 2017, di sini.

MPOB memeterai perjanjian persefahaman dengan Institute of Chemical Technology (ICT), Mumbai dan Association of Food Scientists and Technologists India - Mumbai Chapter (AFSTM).

Majlis menandatangani MoU berlangsung di New Delhi pada 1 April 2017 disaksikan oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong.

Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din menandatangani kedua-dua MoU itu bagi pihak MPOB. Naib Canselor ICT, Prof G D Yadav menandatangani MoU bagi pihak ICT, manakala Presiden AFSTM, Dr Prabodh Halde menandatangani MoU bagi pihak AFSTM.

Pertukaran MoU

Upacara pertukaran MoU di antara kedua pihak berlangsung di hadapan Datuk Seri Najib Razak dan Perdana Menteri India, Shri Narendra Modi dalam satu acara rasmi yang berlangsung di Hyderabad House, New Delhi.

Dalam satu majlis berasingan yang diadakan pada 3 April 2017 sempena Forum Perniagaan India-Malaysia, MPOB bertukar MoU dengan Association of Food Scientists and Technologists India - Mumbai (AFSTM). Majlis berkenaan turut dihadiri Perdana Menteri Malaysia, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapha Mohamed dan Menteri Perdagangan India, Shrimathi Nirmala Sitharaman.

MoU MPOB dengan ICT adalah bertujuan mewujudkan usaha sama dalam pembangunan teknologi minyak sawit di India.

ICT adalah institusi pendidikan tinggi bertaraf universiti yang mempunyai pengiktirafan (ranking) sebagai di antara universiti yang terbaik di India dalam bidang kejuruteraan dan teknologi kimia.

Usaha perkukuh industri sawit diteruskan

➔ Penyelidikan, pembangunan bantu lonjak permintaan

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad

► Bangi

Industri sawit mencecah usia 100 tahun pengkomersialannya pada 2017 dan menjadi penyumbang utama kepada sumber ekonomi negara. Walaupun industri sawit berjaya melakar pencapaian yang membanggakan dari tahun ke tahun, ia tidak bermakna kita boleh berpuas hati dengan kejayaan yang dicapai sehingga kini.

Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata Malaysia perlu meneruskan usaha untuk mencapai lebih banyak kecemerlangan dan mengukuhkan lagi tapak industri sawit agar terus berkembang secara global.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Program (PAC) MPOB yang diadakan di Ibu Pejabat MPOB, di sini.

Katanya, bagi mencapai kemerlangan berterusan, penyelidikan dan pembangunan yang baik akan melonjakkan lagi industri sawit, dan pada masa sama ahli PAC MPOB yang dilantik perlu memainkan peranan penting mereka.

"Industri sawit terus berdepan dengan cabaran, termasuk penggunaan tanah, tenaga buruh, kemampunan, kesihatan dan isu pemakanan.

Katanya, walaupun ada antara cabaran itu sudah lama diketahui dan ditangani dengan baik, sejarah cenderung untuk berulang. Jika terdapat satu pengajaran yang boleh dipelajari dalam tempoh 100 tahun ini, isu yang sering diulang, terutama di Eropah ialah berkaitan alam sekitar, biodiversiti dan aspek pemakanan.

"Isu berkaitan alam sekitar, biodiversiti yang sering dilaungkan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Barat ditangani dengan pelaksanaan Amalan Pertanian Baik (GAP) dan Kod Amalan sepanjang rangkaian pengeluaran sawit oleh penggiat industri selama ini.

"Selain itu pelaksanaan pensijilan Meja Bulat bagi Minyak Sawit Lestari (RSPO) turut meredakan kebimbangan pengguna minyak sawit yang menuntut pengeluaran minyak sawit mampan. Bagaimanapun, kepentingan pekebun kecil yang turut menyumbang dalam industri sawit Malaysia tidak dapat ditangani secukupnya melalui RSPO.

Katanya, bagi memberi pilihan kepada penggiat industri bagi pensijilan mampan, Kerajaan menu-

buhkan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) untuk dilaksanakan secara sukarela mulai Januari 2015.

Oleh kerana permintaan minyak sawit mampan semakin meningkat dan rundingan bersama pihak berkepentingan sudah diadakan, Kerajaan memutuskan pensijilan MSPO akan diwajibkan kepada penggiat industri, termasuk sektor pekebun kecil pada akhir 2019.

Tingkat operasi, kualiti

Dalam pada itu, kita perlu terus meningkatkan operasi dan kualiti minyak sawit. Bagi tujuan ini, Kerajaan sudah mengumumkan dana RM50 juta bagi industri untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan untuk menilai kualiti minyak sawit Malaysia. Dana ini akan diberikan sebagai geran setara untuk penyelidikan saintifik, termasuk ester glycidyl (GE) 3-MCPD kepada pihak industri.

Katanya lagi, industri sawit, terutama sektor hulu memerlukan tenaga kerja yang ramai untuk kekal bersaing dengan sektor lain. Penggunaan jentera sudah dikenal pasti sebagai sebahagian daripada penyelesaian kepada masalah ini di mana produktiviti pekerja dapat dipertingkatkan.

"Bagi menggalakkan pengguna-



Datuk Seri Ahmad Hamzah ketika berucap merasmikan Mesyuarat PAC MPOB 2017.

an jentera dalam industri sawit, Kerajaan menubuhkan Tabung Mekanisasi Ladang Sawit dengan pelaburan awal RM30 juta untuk memudahkan penyelidikan dan sumber teknologi untuk jentera industri sawit.

Katanya, dana ini akan digunakan untuk mengurangkan pekerja asing dengan menjalankan lebih banyak inisiatif penyelidikan dan menggunakan teknologi paling sesuai untuk industri sawit Malaysia. Setakat ini, industri sawit mempunyai kira-kira 430,000 pekerja di ladang-ladang, iaitu 330,000 atau 77 peratus pekerja asing.

Sebagai usaha untuk meningkatkan tahap mekanisasi di ladang sawit, MPOB turut menganjurkan Pertandingan Antarabangsa Mekanisasi Ladang Sawit (ICOPM) untuk menjana lebih banyak idea kreatif dan inovatif mekanisasi sawit.

ICOPM3 adalah edisi khas sambutan ke-100 Ulang Tahun Industri Minyak Sawit Malaysia menawarkan hadiah berjumlah AS\$ 1.13 juta. Tarikh tutup ICOPM3 ialah pada 12 Mei 2017.

Yang turut hadir pada majlis perasmian Mesyuarat PAC 2017 ialah Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din.

Pengerusi MPOB tinjau penyelidikan sawit Terengganu

➔ Kagumi pendekatan MPOB pacu industri sawit negara

Oleh **Muhammad Asyraf Bin Hussin**
asyrafhussin@mpob.gov.my

▀ **Hulu Paka**

Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Seri Ahmad Hamzah meluangkan masa mengadakan Lawatan Kerja ke Stesen Penyelidikan Hulu Paka, Terengganu bagi meninjau penyelidikan sawit yang dijalankan di negeri Terengganu baru-baru ini.

Turut serta dalam lawatan itu Ketua Pengarah MPOB, Dr. Ahmad



Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Dr. Ahmad Kushairi Din mendengar taklimat ketika lawatan ke ladang Stesen Penyelidikan MPOB Hulu Paka, Terengganu.

Kushairi Din yang terus menerus memberi dorongan dan pendedahan kepada warga MPOB merealisasikan hasrat kerajaan dalam membina potensi yang lebih cemerlang melalui penyelidikan dan inovasi baharu.

Kagum pendekatan MPOB

Datuk Seri Ahmad ternyata kagum dengan pendekatan MPOB yang terus berusaha memacu keupayaan dalam penyelidikan dan pembangunan industri sawit negara.

Antara pengisian lawatan adalah taklimat mengenai Stesen Pe-

nyelidikan Hulu Paka yang disampaikan oleh Ketua Stesen Penyelidikan MPOB Hulu Paka, Othman Samad. Taklimat beliau turut menyentuh hasil penyelidikan dan pembangunan yang dilaksanakan oleh MPOB di negeri Terengganu.

Pengerusi MPOB turut berkesempatan melawat kawasan ladang yang bertujuan menunjukkan lebih dekat dan terperinci tentang plot integrasi tanaman, tapak semaian dan plot demo Ketua Pengarah.

Sempena lawatan berkenaan, beliau turut menyampaikan sum-

bangkan barangan berasaskan sawit kepada 10 pekebun kecil.

Dalam ucapannya, beliau turut menyarankan pekebun kecil untuk terus memberikan sokongan kepada MPOB dalam meningkatkan mutu industri sawit pada masa akan datang.

Di akhir lawatan di stesen itu, beliau turut mengunjungi pameran dan mengikuti sesi taklimat berkaitan projek pembangunan yang dirancang di stesen tersebut serta menyempurnakan pecah tanah bagi pembinaan bangunan Makmal Pusat Perkhidmatan Agromoni Sawit.

Interaksi MPOB, industri perjelas pasaran sawit luar negara

Oleh **Dr. Puah Chiew Wei**
cwpuah@mpob.gov.my

▀ **Bangi**

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) melalui Unit Khidmat Nasihat Teknikal telah menganjurkan sesi interaksi dengan penggiat industri sawit Malaysia pada 12 April 2017 yang diadakan sempena kepulangan Pengurus Serantau MPOB dari luar negara bagi menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Program (Programme Advisory Committee - PAC) yang ke-37 di Ibu Pejabat MPOB.

Program tahunan MPOB ini berjaya menarik minat seramai 150 peserta dari syarikat swasta dan wakil persatuan dan agensi yang terlibat dalam industri sawit seperti Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA), Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Persatuan Penapis Minyak Sawit Malaysia (PO-RAM), Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC), Persatuan Pemilik-pemilik Ladang Kelapa Sawit Sarawak (SOPPOA) dan Persatuan Biodiesel Malaysia (MBA).

Ketua Pengarah MPOB, Dr. Ahmad Kushairi Din dalam ucapan perasmian berkata, sesi interaksi seumpama ini menyediakan peluang kepada penggiat industri sawit negara untuk mendapatkan perkembangan terkini mengenai pasaran minyak sawit di luar negara serta cabaran yang dihadapinya.

"Selain itu, langkah-langkah untuk memperkukuhkan perdag-

angan produk sawit turut dikongsi.

Beliau turut menekankan isu yang sedang dihadapi oleh industri sawit di luar negara termasuk isu kemampanan dan keselamatan makanan serta kepentingan kerjasama di antara MPOB dan industri sawit dalam menangani cabaran-cabaran tersebut.

Sesi interaksi dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Pembangunan Produk dan Khidmat Nasihat MPOB, Rosidah Radzian.

Sebanyak sembilan kertas kerja dibentangkan oleh Pengurus Serantau yang bertanggungjawab bagi Wilayah Asia Barat; Afrika; Timur Jauh; Asia Selatan; Australasia dan Oceania; ASEAN; Iran, Iraq dan Republik Asia Tengah; Amerika dan Eropah.

Potensi sasaran

Antara lainnya, pembentangan mereka menyentuh tentang potensi pasaran, isu dan cabaran yang dihadapi di rantau masing-masing serta usaha-usaha yang dilaksanakan oleh MPOB dalam meningkatkan pasaran produk-produk sawit Malaysia di peringkat antarabangsa.

Di antara cabaran yang dihadapi oleh minyak sawit termasuk isu yang mengaitkannya dengan kemampanan. Di rantau Eropah misalnya, Parlimen di sana telah meluluskan resolusi yang mengaitkan minyak sawit dengan penebangan hutan serta pensijilan kemampuan produk-produk berasaskan sawit. Oleh itu, keputusan Kerajaan Malaysia untuk melaksanakan

Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (Malaysian Sustainable Palm Oil - MSPO) secara mandatori merupakan salah satu langkah bagi menangani isu ini. Penggubalan dasar baharu seperti struktur cukai yang diperkenalkan oleh Presiden Amerika Syarikat yang baharu juga merupakan satu cabaran untuk industri sawit.

Di samping itu, isu kesihatan yang mengaitkan minyak sawit sebagai lemak tepu turut dimainkan oleh pihak tertentu, walaupun secara faktanya minyak sawit adalah minyak yang seimbang dengan kandungan 50% lemak tak tepu dengan 50% lemak tepu. Kajian saintifik telah membuktikan bahawa minyak sawit adalah setanding dengan minyak zaitun dari sudut khasiat pemakanan dan kesihatan.

Isu keselamatan makanan

Isu keselamatan makanan dari aspek pencemaran makanan seperti 3-MCPDE dan glisidil ester juga dibincangkan. Pihak industri digesa untuk mengambil langkah pro-aktif dalam mengurangkan dan seterusnya menyingkirkan kontaminan makanan tersebut dari produk-produk sawit.

Persaingan daripada pengeluar minyak sawit negara lain juga merupakan satu faktor yang mempengaruhi prestasi industri sawit negara. Ini dapat diatasi dengan strategi membezakan produk pengeluaran Malaysia dengan pengeluaran lain melalui peningkatan kualiti produk sawit, pengeluaran produk sawit nilai tambah dan produk



Dr. Ahmad Kushairi Din berucap merasmikan program interaksi bersama penggiat industri sawit.

sawit yang mesra alam dengan jejak karbon yang rendah.

MPOB menerima maklum balas positif daripada para peserta ke atas penganjuran sesi interaksi tersebut. Ini termasuklah maklumat yang disampaikan oleh Pengurus Serantau yang amat berguna dalam perdagangan produk-produk sawit ke luar negara dan peluang pasaran baharu serta pasaran minyak sawit yang berpotensi untuk berkembang seperti di rantau Afrika. Selain itu, sesi tersebut menyediakan platform untuk bertukar pandangan dan pendapat di antara pihak berkepentingan dalam menggariskan hala tuju in-

dustri sawit Malaysia.

MPOB akan terus memantau perkembangan industri minyak dan lemak global demi menjamin daya saing industri sawit negara. Ini memandangkan industri sawit adalah amat penting dalam pembangunan sosio-ekonomi negara termasuk pekebun-pekebun kecil sawit.

MPOB akan meneruskan sesi interaksi seumpama ini di masa hadapan bagi mendapatkan maklum balas dari pihak industri sawit. MPOB dan pemain industri sawit akan terus bergading bahu demi memelihara kesejahteraan industri ini.

Malaysia tinjau program biodiesel Indonesia

➔ Beri keyakinan Malaysia laksana B10

Oleh Nursyairah Jalil
nursyairah@mpob.gov.my

Jakarta

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mengadakan lawatan kerja ke Jakarta, Indonesia pada 25 hingga 27 April 2017 untuk memberi pendedahan serta keyakinan teknikal berhubung hasrat kerajaan untuk pelaksanaan bio bahan api B10.

Lawatan kerja itu diketuai Pegawai Penyelidik Prinsipal MPOB, Dr Harrison Lau Lik Nang yang turut membabitkan 23 peserta terdiri daripada wakil Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia, Malaysia Automotive Institute (MAI), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Persatuan Haulier Malaysia (AMH), Pan-Malaysia Lorry Owners' Association (PMLOA), kumpulan editor dan penulis automotif.

Perbincangan hari pertama diadakan dengan Direktorat Energi Baru, Terbarukan dan Konservasi Energi (EBTKE) agensi di bawah Kementerian Energi dan Sumber Daya Mineral Republik Indonesia (ESDM) bertanggungjawab mengkoordinasi pelaksanaan program biodiesel di Indonesia.

Delegasi Malaysia diberi penerangan berkaitan pelaksanaan serta hala tuju program biodiesel di Indonesia.

Menurut Direktur Bioenergi, Drs Sudjoko Harsono Adi, program B10 sudah dilaksanakan di Indonesia pada 2014, manakala program B20 dilaksanakan pada Januari 2016



Bergambar bersama Pengerusi dan ahli Asosiasi Pengusaha Truk Indonesia (APTRINDO) yang diketuai oleh Drs Gemilang Tarigan.

sehingga kini.

Katanya, pelaksanaan mandatori program B20 membantu ekonomi Indonesia dari segi pengurangan kebergantungan terhadap pengimportan diesel, pengurangan pelepasan gas rumah hijau dan membantu peningkatan pendapatan pekebun kecil.

Katanya, Kerajaan Indonesia merancang untuk melaksanakan penggunaan B30 pada 2020.

Pada hari kedua, delegasi Malaysia mengadakan lawatan ke terminal Pertamina dan perbincangan dengan Gabungan Industri Kendaraan Bermotor Indonesia (GAIKINDO).

Taklimat teknikal berkaitan percubaan B20 sudah dibentangkan oleh Sekretaris Jenderal GAIKINDO, Pak Abdul Rochim.

Katanya, tidak ada sebarang masalah teknikal pada enjin kenderaan dilaporkan sehingga kini dengan penggunaan B10 mahupun B20.

“Jaminan daripada pengedar kenderaan diesel di Indonesia turut tidak terjejas,” katanya.

Kajian kesesuaian B20

Katanya, kajian kesesuaian B20 dijalankan oleh pihak GAIKINDO sebagai usaha menyokong rancangan Kerajaan menyasarkan 23 peratus penggunaan tenaga boleh diperbaharui bagi 2025 menerusi Polisi Campuran Tenaga oleh Kerajaan Indonesia.

Yang turut hadir pada perbincangan adalah Sekretaris Jenderal Asosiasi Produsen Biofuels Indonesia (APROBI), Pak Paulus Tjakrawan, yang menyatakan bahawa kerjasama di antara Kerajaan Indonesia dengan GAIKINDO dan APROBI serta lain-lain pihak berkepentingan menjayakan implementasi B20 di Indonesia.

Perbincangan diteruskan dengan pembentangan oleh Pertamina atau Perusahaan Pertamba-

ngan Minyak dan Gas Bumi Negara iaitu syarikat petroleum milik kerajaan Indonesia berhubung pembekalan B20.

Pemasaran B20 meliputi hampir 90 peratus di seluruh negara Indonesia kecuali pulau Bali dan Maluku.

Pilihan diesel tulen atau dikenali sebagai Pertamina DEX (Diesel Environmenta Extra) atau Pertadex dibekalkan di stesen terpilih di bandar besar seperti Jakarta. Jualan B20 adalah 87% berbanding dengan diesel tulen.

Delegasi Malaysia kemudian melawat terminal Pertamina Tanjung Priok yang dilengkapi dengan sistem pengadunan biodiesel secara in-line seperti mana yang dipasang di 35 buah terminal petroleum di Malaysia.

Lawatan kerja ini diikuti dengan perbincangan bersama Asosiasi Pengusaha Truk Indonesia (APTRINDO) yang diadakan di Klub Kelapa

Gading Jakarta Utara bertujuan mendapatkan pengalaman penggunaan B10 dan B20.

Pengerusi APTRINDO, Drs. Gemilang Tarigan berkata, penggunaan B10 dan B20 itu tidak mendatangkan sebarang masalah pada enjin kenderaan berat serta tidak memberi impak kepada kos operasi.

Katanya, buat masa ini, kualiti diesel di Indonesia adalah EURO 2 dengan kandungan sulfur maksimum 300 ppm setara dengan EURO 2M di Malaysia. Kenderaan di Indonesia menggunakan teknologi enjin Euro II sehingga IV sama seperti Malaysia.

Dari sudut pengalaman pemandu, turut dinyatakan bahawa pemandu tidak merasakan sebarang perbezaan antara penggunaan diesel tulen, B10 atau B20.

Lawatan kerja ini memberi keyakinan bagi Malaysia untuk melaksanakan program B10 pada masa hadapan.

Tingkat tahap automasi di ladang

Oleh FadzilGhazali
afadzilg@mpob.gov.my

Bangi: Peningkatan tahap automasi di ladang dijangka akan dapat menarik lebih ramai pekerja tempatan untuk berkhidmat di sektor perladangan sawit.

Ketua Penasihat Perladangan dan Mekanisasi Sime Darby Plantation Sdn Bhd (SDP), Thayaparakanthan K. Ramachandran, berkata industri sawit negara kini berhadapan dengan masalah kekurangan pekerja dan ini menjadikan ia terlalu bergantung kepada khidmat buruh asing.

Sehingga kini sejumlah 395,365 tenaga pekerja digunakan oleh sektor itu untuk mengusahakan kawasan tanaman sawit seluas 5.74 juta hektar. Pecahan pekerja pula adalah 16% tempatan dan 84% pekerja asing.

Thayaparakanthan berkata warga Indonesia merupakan jumlah terbesar yang berkhidmat di sektor perladangan sawit namun kadarnya sedang menurun berikutan wujudnya peluang pekerjaan lain yang menawarkan upah yang lebih lumayan.

Pekerja lebih produktif

“Pekerja akan menjadi lebih pro-

duktif melalui automasi proses penuaian seperti pengumpulan buah relai dan kerja menyembur pokok-pokok sawit dan kita boleh membayar gaji mereka dengan lebih baik iaitu sekitar RM2,500 hingga RM4,000 sebulan, bersama-sama dengan insentif lain,” kata beliau semasa membentangkan kertas kerja di Seminar Jawatankuasa Penasihat Program (PAC) anjuran MPOB, di sini baru-baru ini.

Beliau berkata status mekanisasi dalam industri sawit untuk penuaian dan operasi ladang adalah sangat rendah masing-masing di tahap 1.9 peratus dan 16.2 peratus.

Sementara itu Pengerusi LMC International Ltd, Dr James Fry, semasa membentangkan kertas kerja beliau di Seminar PAC meramalkan harga minyak sawit mentah (MSM) akan turun kepada kira-kira RM2,250 tan pada akhir tahun ini, apabila pengeluaran mula pulih

selepas fenomena El Nino.

Beliau berkata kini telah timbul spekulasi akan berlaku satu lagi kitaran El Nino tahun ini berikutan fenomena La Nina yang akan berlaku dalam tempoh terdekat.

Sasar pengeluaran 19.6 juta tan

Fry berkata pertumbuhan pengeluaran MSM Malaysia dijangka mencecah 22.5 juta tahun ini, peningkatan lebih daripada 5 juta tan berbanding pengeluaran 17.3 juta tan tahun lalu.

“Unjuran kami mensasarkan pengeluaran MSM 2017 sebanyak 19.6 juta tan, dengan prestasi perlahan dijangkakan pada suku kedua, tetapi masih dalam lingkungan 2.2 juta tan mengatasi pengeluaran 2016,” katanya.

Mengenai isu kemapanan yang dilaungkan oleh Eropah, Fry berkata ianya akan memberi impak negatif kepada permintaan minyak sawit. Parlimen Eropah telah

meluluskan resolusi bahawa hanya minyak sawit mapan boleh dieksport ke Kesatuan Eropah selepas 2020.

Prof Dr Tom Sanders daripada King's College London pula membentangkan kertas kerja mengenai kepentingan minyak sawit dalam pemakanan seimbang di Seminar PAC itu.

Beliau berkata, minyak sawit berbeza dengan minyak tropika lain kerana ia mengandungi lebih asid linoleik dan kandungan asid oleik yang tinggi. Di samping itu minyak sawit juga kaya dengan sumber tokotrienol dan beta-karotena. Ianya juga minyak yang stabil untuk iklim panas.

Sanders juga berkata minyak sawit telah menjana kekayaan untuk Malaysia dan jangka hayat di Malaysia sudah meningkat daripada 54 tahun pada 1960 kepada 75 tahun pada 2015 dan kadar ini masih terus meningkat.

Teknologi penghasilan makanan ternakan berasas isirung sawit

➔ Penghasilan dedak isirung berpotensi jadi ramuan formulasi makanan haiwan

Rohaya Mohamed Halim
rohaya@mpob.gov.my

Kilang pelumat isirung sawit (kernel crushing plant) merupakan antara rantaian penting industri minyak sawit Malaysia yang berperanan untuk menghasilkan minyak isirung sawit daripada isirung sawit.

Penghasilan minyak isirung ini dalam masa yang sama turut menghasilkan dedak isirung sawit (palm kernel cake) yang berpotensi untuk dijadikan ramuan dalam formulasi makanan haiwan ternakan.

Namun, penggunaan dedak isirung sawit yang dihasilkan dari 45 buah kilang pelumat tersebut hanya sesuai untuk haiwan ruminan seperti lembu dan kambing, manakala haiwan monogastrik seperti ayam, itik, ikan dan udang tidak dapat menghadam dedak sawit tersebut kerana kandungan tempurungnya melebihi 12% dan serat (fiber) melebihi 18%.

Bagi membolehkan dedak isirung sawit digunakan dalam formulasi makanan ternakan monogastrik, kandungan tempurung mestilah tidak melebihi 8% dan fiber kurang dari 10%.

Sistem pengasingan tempurung

Bermula tahun 2014, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dengan kerjasama Sime Darby Plantations Sdn Bhd dan Hur Far Engineering telah membangunkan sistem pengasingan tempurung dari isirung sawit.

Sistem pengasingan kering ini terdiri dari tiga turus pengasing yang dipasang bersiri secara menegak dan berfungsi untuk mengurangkan tempurung dari 6% ke atas kepada 4% ke bawah.

Isirung sawit yang rendah tempurung ini adalah bahan suapan bagi

menghasilkan minyak dan dedak isirung sawit premium dan tinggi kandungan nutrisinya untuk tumbesaran haiwan.

Pengurangan tempurung di dalam isirung sawit menyumbang kepada pengurangan fiber yang signifikan dari 18% ke atas kepada 10% ke bawah dan boleh digunakan sebagai ramuan makanan untuk semua jenis haiwan ternakan.

Teknologi ini, selain menghasilkan isirung sawit dengan kandungan tempurung yang rendah, adalah mesra alam dimana ianya tidak menggunakan air sebagai medium pemisahan seterusnya memastikan tiada sisa kumbahan tambahan yang dihasilkan.

Dedak isirung sawit premium

Ia merupakan dedak premium yang rendah tempurung iaitu tidak melebihi 8%, tinggi kandungan protein (melebihi 16.5%) dan fiber kurang dari 10%.

Ia dihasilkan melalui proses pengekstrakan minyak isirung sawit secara mekanikal menggunakan isirung sawit rendah tempurung.

Dedak premium ini juga merupakan sumber tenaga dan protein yang tinggi.

Penggantian dedak premium sawit ke dalam formulasi makanan ayam boleh menggantikan bahan mentah import seperti kacang soya dan jagung pada nisbah antara 30-45% (ayam pedaging) dan 45-60% (ayam kampung) tanpa menjejaskan prestasi tumbesaran haiwan tersebut.

Dedak sawit premium ini dihasilkan secara komersial di kilang pelumat isirung sawit Sime Darby, Pulau Carey, Banting, Selangor. Penghasilan dedak sawit premium ini yang dijenamakan secara komersial sebagai PURAFEX merupakan satu-satunya dedak sawit bernutrisi tinggi yang terdapat di pasaran.

Makanan ayam berasaskan sawit

Penggunaan PURAFEX sebagai ramuan utama dalam formulasi makanan ayam telah terbukti keberkesanannya melalui kajian pemakanan yang dijalankan secara komersial.

Pelet makanan ayam yang dihasilkan menggunakan 30%, 45% dan 60% PURAFEX dijenamakan sebagai MPOB Lestari untuk tujuan komersial.

Kajian pemakanan terhadap ayam pedaging dan ayam kampung menunjukkan bahawa tumbesaran ayam

tersebut setanding dengan ayam yang memakan makanan komersial (tanpa dedak sawit).

Ayam yang memakan pelet MPOB Lestari mampu mencapai berat melebihi 2 kg dalam tempoh masa 35 hari dan kadar kematian yang rendah iaitu kurang dari 3%.

Nilai ekonomi

Sehingga hari ini Malaysia mengimport sejumlah besar bahan mentah untuk menghasilkan makanan ayam ternakan terutamanya kacang soya dan jagung.

Pada tahun 2015, Malaysia mengimport jagung dari Argentina dan Brazil masing-masing dengan jumlah dagangan sebanyak kira-kira USD 417 juta dan USD 321 juta (sumber: Utusan Malaysia, 20 Jun 2016).

Harga jagung juga meningkat dengan ketara daripada RM 330 satu tan pada tahun 2000 kepada RM 1080 satu tan pada tahun 2015. Kacang soya pula pada tahun 2015 mencatatkan harga dagangan sebanyak RM 2100 satu tan. PURAFEX pula, boleh didapati di pasaran dengan harga kurang daripada RM 600 satu tan.

Ayam masih merupakan antara sumber protein yang termurah berbanding sumber-sumber lain, justeru menjadi pilihan kebanyakan rakyat Malaysia.

Pada tahun 2016 sahaja, secara purata, rakyat Malaysia mengambil sebanyak 1.8 juta ekor ayam sehari iaitu bersamaan kira-kira 657 juta ekor ayam dalam setahun. (sumber: Menteri Pertanian & Industri Asas Tani, Astro Awani, 19 Julai 2016).

Makanan ayam yang terdapat dalam pasaran kebiasaannya menggunakan lebih daripada 50% bahan mentah yang diimport seperti jagung dan kacang soya.

Penggunaan kira-kira 30% sumber tempatan seperti dedak isirung sawit dalam rumusan makanan ayam bagi menggantikan bahan mentah import akan dapat mengurangkan kos penterakan ayam sebanyak kira-kira 52 sen bagi setiap ekor ayam.

Dengan anggaran sama sebanyak 1.8 juta ekor ayam yang diperlukan, dianggarkan penjimatan sebanyak RM 0.93 juta sehari dan RM 341 juta setahun. Potensi penjimatan yang ketara ini mampu menstabilkan harga ayam mentah di pasaran Malaysia.



Makanan ayam berasaskan isirung sawit dikenali MPOB Lestari.



Malaysian Palm Oil Board

23RD MPOB TRANSFER OF TECHNOLOGY SEMINAR AND EXHIBITION

2017

Tuesday, 11 July 2017
MPOB Head Office, Bangi

To be officiated by
YB Datuk Seri Mah Siew Keong
Minister of Plantation Industries and
Commodities

HIGHLIGHTS

Technologies and services offered:

- > Plantation
- > Biotechnology
- > Milling and processing
- > Oleochemical
- > Food Technology

REGISTER NOW!

Launch of the new technologies and services
Exhibition on new products and services

ENQUIRIES

Rubaah Masri
03-8769 4567
rubaah@mpob.gov.my

Salmah Hussin
03-8769 4873
salma@mpob.gov.my




Malaysian Palm Oil Board
6, Perstarian Institusi Bangi
43000, Kajang, Selangor
www.mpob.gov.my



Sistem pengasingan tempurung.



100

ANNIVERSARY

MALAYSIAN PALM OIL INDUSTRY 1917 - 2017

ICOPM

INTERNATIONAL COMPETITION ON OIL PALM
MECHANISATION

USD 1,000,000
Grand Prize

Plus
USD 130,000
other prizes

CATEGORIES :

- ★ Harvesting
- ★ Loose Fruit Collection
- ★ Fresh Fruit
- ★ Bunch Evacuation

Entries Open Now
Closing Date

12 May 2017

ELIGIBILITY

Individual, team, companies,
National and International

ENQUIRIES

Tel : +603-89201504
Fax : +603-89261852
Email : icopm@mpob.gov.my

Contact persons:
Abd Rahim Shuib
Mohd Ramdhan Mohd Khalid

Entry forms are available at :

www.mpob.gov.my/ICOPM

Like and follow us on






Mahasiswa Australia berminat ketahui khasiat sawit

Oleh Siti Nurhajar Mariam Wan Jaafar
nurhajar@mpob.gov.my

Bangi: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menerima lawatan daripada pelajar Bond University, Australia di Ibu Pejabat, Bangi. Kunjungan ilmiah itu disertai 14 pelajar bersama dua pensyarah sempena lawatan akademik ke Malaysia baru-baru ini.

Lawatan yang diketuai oleh Pensyarah Fakulti Sains Kesihatan dan Perubatan Bond University, Dr. Dianne Reidlinger disambut oleh pegawai penyelidikan kanan Unit Pemakanan dan Unit

Khidmat Nasihat Teknikal MPOB. Kunjungan bertujuan mendapatkan pendedahan berkenaan peranan MPOB sebagai penggerak industri sawit, penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar, dan kajian yang meliputi bidang pemakanan di MPOB.

Utarakan pelbagai isu

Pelajar tidak melepaskan peluang dalam mengutarakan pelbagai isu berkaitan industri sawit. Antara isu yang menjadi tumpuan adalah isu label 'tanpa minyak sawit' yang berleluasa di Barat terutamanya di Eropah dan isu penebangan hutan ekoran aktiviti industri.

Dalam pertemuan tersebut, MPOB menjelaskan bahawa isu pelabelan 'tanpa minyak sawit' bukan isu baharu kepada industri sawit kerana sehingga kini, terdapat lebih 1,500 produk dengan label 'tanpa minyak sawit' di Perancis, Belgium dan Itali. Lazimnya juga badan bukan kerajaan di Eropah lantang mengaitkan isu penebangan hutan di Malaysia adalah berpunca daripada pembukaan ladang sawit yang dianggap memusnahkan biodiversiti.

Tohmahan seumpama itu mampu menggugat perkembangan industri dalam jangka panjang sekali gus membantutkan pasarannya di peringkat global.



Dr Ahmad Kushairi ketika memberi taklimat aktiviti dan pencapaian MPOB di Bangi, baru-baru ini.

Memperkasakan industri sawit ke arah 2050

➔ MPOB kemaskini dasar agar selari TN50

Oleh Fadzil Ghazali
afadzilg@mpob.gov.my

▪ Bangi

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sedang mengemaskini dasar dan aspirasi organisasi agar ianya selari dengan kehendak program Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada 19 Januari 2017 di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya.

Ketua Pengarahnya, Dr Ahmad Kushairi Din berkata, MPOB telah menghasilkan Strategi Serampang Tiga Mata untuk organisasi itu dan kini sedang mengemaskini Halatuju TN50 MPOB untuk menentukan arah pembangunan industri sawit negara menjelang tahun 2050.

Beliau berkongsi maklumat ini semasa memberi taklimat aktiviti dan pencapaian MPOB di Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Program MPOB ke-37 yang berlangsung di sini pada awal bulan lalu.

Strategi penyelidikan MPOB melibatkan tiga perkara utama iaitu Pendapatan Tinggi; Buangan Sifar dan Tambah Nilai. Ketiga elemen ini menjadi tunggak kepada Misi dan Visi MPOB.

Misi MPOB adalah untuk memacu kemakmuran industri mi-

nyak sawit Malaysia melalui penyelidikan, pembangunan dan perkhidmatan yang cemerlang. Visi MPOB pula adalah menjadi institusi penyelidikan dan pembangunan bertaraf Nobel Laureate serta menyediakan kepimpinan dan dorongan bagi perkembangan industri minyak sawit yang merangkumi kepelbagaian produk, nilai tambah yang tinggi, berdaya saing global dan mampan.

Tumpu bidang strategik

Halatuju TN50 MPOB tertumpu kepada beberapa bidang fokus strategik. Untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D), bidang fokus strategik meliputi peningkatan produktiviti sawit; automasi dan mekanisasi; pengawalan penyakit dan perosak; kemampuan, alam sekitar dan pengawal kempen anti-minyak sawit; minyak sawit sebagai minyak premium; penggunaan biojisim; bantuan pekebun kecil; tenaga boleh diperbaharu; sektor hiran untuk makanan, fitonutrien dan makanan haiwan; kajian gambut; teknologi pengilangan dan penapisan; dan sektor hiran untuk oleokimia.

"Penyelidikan dan pembangunan serta promosi teknikal adalah penting bagi menyokong dan memastikan industri sawit maju," kata Dr Ahmad Kushairi.

TN50 merupakan satu inisiatif pembangunan negara yang merangkumi tahun 2020 hingga 2050. Inisiatif ini akan dipacu oleh matlamat dan sasaran yang jelas selama 30 tahun, yang akan dibangunkan melalui proses perundingan dalam fasa persediaan dari tahun 2017 hingga 2019.

PIPOC 2017
INTERNATIONAL PALM OIL
CONGRESS AND EXHIBITION

**TREASURING THE PAST
CHARTING THE FUTURE**

14-16 NOVEMBER 2017
Kuala Lumpur Convention Centre,
Kuala Lumpur, Malaysia

Book your place now to make sure
you will be one of them in 2017!

For more information, please contact:
pipoc2017@mpob.gov.my
or visit MPOB website at www.mpob.gov.my

THE PREMIERE OIL PALM EVENT IS BACK!

Musa bangga peroleh pendapatan berlipat ganda

➔ Mahu usaha gigih, komitmen tinggi jadi contoh pekebun kecil lain

Oleh Khairul Abidin, Leom Anak Tatom dan Kadir Ali

Musa Maton, 55, berasal dari Kampung Iran Suai Niah, Miri, Sarawak, mula berkecimpung dalam bidang tanaman sawit pada 2004 dengan luas kebun sawitnya kini mencecah 21.78 hektar.

Hasil usaha gigih dan komitmen tinggi mengusahakan tanaman sawitnya, beliau berjaya meningkatkan hasil buah tandan segar (BTS) mencecah lebih 30 tan sehektar setahun dan sekali gus meningkatkan pendapatan keluarga.

Katanya, kejayaan yang dikecapi hari ini tidak semudah yang dijangkakan tanpa pengorbanan dan kesabaran yang tinggi.

Beliau berharap lebih ramai pekebun kecil akan berjaya seperti

beliau kerana berbudi kepada tanah pasti akan membuah hasil yang lumayan.

Katanya, hasil BTS yang tertinggi yang pernah diperoleh ialah pada 2014 iaitu 37.67 tan sehektar setahun.

Guna baja sebatian seimbang

Berpandukan nasihat pegawai Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit (TUNAS) MPOB, beliau mempraktikkan Amalan Pertanian Baik (GAP), menggunakan baja sebatian yang sesuai dan seimbang serta penuaian sawit yang dilakukan dua kali sebulan.

Di samping mengusahakan tanaman sawit, beliau turut mengusahakan tanaman nanas dan kelapa pandan sebanyak 550 pokok. Selain itu, beliau juga berjinjak-jinjak menyertai industri ternakan



Musa ketika bekerja di kebun sawit miliknya di Miri.

iaitu kambing (23 ekor) dan lembu (11 ekor) yang diintegrasikan bersama tanaman sawit sejak 2010.

Hasil jualan sawit yang diperoleh, kini beliau memiliki jentera pertanian sendiri iaitu dua lori, dua excavator dan sebuah mini traktor yang memudahkan beliau melakukan kerja-kerja penyelenggaraan kebun serta menghantar BTS dari ladang ke kilang dan pusat pengumpulan BTS.

Musa juga banyak membantu peserta penerima skim dari segi menaik taraf jalan kebun, sistem perparitan dan pembersihan kawasan dengan menjadi kontraktor untuk penyediaan kawasan bagi kelompok penerima skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK).

Sepanjang bergelar pekebun kecil sawit, pencapaian beliau yang

paling membanggakan ialah berjaya merangkul Anugerah Industri Sawit 2015/2016 kategori Pekebun Kecil Sarawak semasa Persidangan Pekebun Kecil Sawit Kebangsaan 2016.

Ahli Kelab 30 Tan MPOB

Selain itu, beliau berjaya menjadi Ahli Kelab 30 Tan MPOB pada awal 2016 yang sekali gus menambahkan lagi keyakinan untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti BTS.

Kejayaan yang diperoleh tersebut mendorong beliau terus bergiat aktif dalam bidang penanaman sawit memberikan hasil yang lumayan dan terus menjadi contoh kepada semua pekebun kecil di kawasan Suai, Niah.

Atas galakan dan bantuan khidmat nasihat Pegawai TUNAS MPOB

serta tunjuk ajar dari agensi kerajaan lain seperti Jabatan Pertanian, banyak membantu beliau menambah ilmu pengetahuan berkaitan bidang pertanian terutamanya tanaman sawit.

Bermula dari 2003 sehingga sekarang, beliau bergiat aktif menyertai aktiviti yang dianjurkan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Subis.

Beliau tidak jemu mendapatkan khidmat nasihat dan mendalami bidang sawit dengan mengikuti pelbagai kursus dan seminar yang dianjurkan oleh MPOB.

Peladang jaya ini juga sentiasa memberi kerjasama kepada Pegawai TUNAS MPOB yang melawat kebunnya dan tidak segan silu bertanya dan bertukar-tukar maklumat berkaitan tanaman sawit.

Joseph raih pendapatan lumayan hasil sawit



Joseph di kebun sawitnya di Serian.

Oleh Mathew Dasung, Mike Tomson Victive dan Mohamad Arfan Johari

Joseph Anak Linggong, 69 anak jati Sarawak bangsa Bidayuh berasal dari Kampung Bunan Punok, Serian adalah pesara guru yang berjaya meraih pendapatan lumayan selepas berkecimpung dengan penanaman sawit bermula 2006.

Beliau yang memulakan tanaman sawit tanpa sebarang pengetahuan mendapatkan tunjuk ajar dan nasihat daripada rakan baik yang berkhidmat di ladang sawit milik SALCRA.

Pada 2017, beliau mula mendapatkan khidmat nasihat dan tunjuk ajar penanaman sawit daripada Pegawai TUNAS MPOB Sarawak berkaitan penjagaan dan

penyelenggaraan kebun sawit.

Pada 2008, beliau berjaya memperoleh Skim Bantuan Anak Benih Berkualiti (SBABB) sebanyak 400 pokok dan bantuan baja untuk setahun.

Beliau mengamalkan amalan pertanian baik (GAP) dalam melaksanakan skim ini dengan dibantu pegawai TUNAS MPOB dan menanam anak benih menggunakan sistem segi tiga sama dengan jarak tanaman 8.8 meter x 8.8 meter x 8.8 meter mengikut yang disyorkan oleh MPOB untuk kawasan tanah pedalaman atau tanah mineral.

Hasil dorongan pegawai TUNAS MPOB serta mendapat hasil yang lumayan dengan jualan sawit, pada 2011, beliau telah menambah keluasan kebun hingga mencecah 5.74 hektar yang berjaya mem-

peroleh hasil purata buah tandan segar sebanyak 32.64 tan sehektar setahun pada 2015.

Beliau yang kini adalah Ahli Kelab 30 Tan MPOB mengamalkan pembajaan sebanyak tiga pusingan setahun.

Aktif peringkat komuniti

Selain itu, beliau juga aktif di peringkat komuniti dengan pembabit dalam Komuniti Kamus Bukar-Sadong pada 2005-2009 serta menterjemahkan bahasa Inggeris ke bahasa Bidayuh Bukar-Sadong.

Kini beliau Pengerusi Koperasi Kampung Bunan Punok dan juga Koperasi Penanam Sawit Mampan Daerah Serian Berhad (KPSM Daerah Serian Berhad).

Beliau amat berterima kasih kepada MPOB kerana banyak membantu pekebun kecil di Serian.

ULANGTAHUN KE-100 MINYAK SAWIT

Minyak sawit Malaysia ubah dunia

S:Minyak sawit Malaysia telah melalui pelbagai cabaran dan dugaan untuk menjadi satu komoditi yang berjaya. Adakah para pengusaha sawit pada 1917 akan berasa kagum dengan industri sawit Malaysia pada hari ini?

J: Saya merasakan mereka akan kagum dengan apa yang Malaysia - bukan sahaja industri minyak sawitnya telah capai pada hari ini. Begitu banyak yang telah berlaku dan berubah dalam 100 tahun pertama ini. Sebagai contoh, kita belum lagi mencapai kemerdekaan pada 1917.

Ini adalah bukti kepada keceMERLANGAN dan pandangan jauh komuniti minyak sawit pada masa itu yang berhasrat menjadikan minyak sawit sebagai satu kejayaan berterusan dan berdaya saing di sepanjang perubahan sejarah, teknologi dan politik pada abad yang lalu. Malah, ia adalah satu pencapaian yang luar biasa.

Saya yakin pengusaha tanaman sawit di Estet Tennamaram akan mengiktiraf satu perkara tentang industri sawit kita pada hari ini - bahawa komoditi ini dan asas-asasnya tetap tidak berubah: ia adalah tanaman perusahaan yang sangat produktif, menjimatkan dan menghasilkan minyak sayuran yang serba guna dan jauh lebih baik berbanding minyak-minyak sayuran pesaing yang lain.

2017 menandakan genap 100 tahun industri minyak sawit bertapak di Malaysia semenjak ia mula dibangunkan secara komersial di Estet Tennamaram di Bestari Jaya (dahulu Batang Berjuntai), Selangor, pada 1917. Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong sangat arif tentang sejarah perkembangan industri sawit di Malaysia. Ini kerana industri ini telah memainkan peranan penting dalam membangunkan ekonomi di negeri kelahirannya Perak, melalui perusahaan penanaman secara komersial dan pemprosesan hiliran produk-produk sawit. **Melalui satu sesi temu bual, Datuk Seri Mah Siew Keong mengulas tentang impak besar industri sawit kepada Malaysia dan dunia.**

Di Malaysia, kita telah memperkasakan asas-asas ini dengan kajian penyelidikan dan pembangunan yang bertaraf dunia, teknik-teknik pertanian yang canggih dan berinovasi; serta komitmen yang tinggi kepada kaedah penanaman yang bertanggungjawab dan bermanfaat kepada masyarakat sekeliling.

S:Apakah titik-titik perubahan bersejarah yang utama bagi industri sawit Malaysia dalam 100 tahun yang lalu?

J: Penubuhan ladang komersial sawit yang pertama pada 1917 merupakan titik bersejarah dan mercu tanda yang utama dan sangat nyata. Dua titik perubahan utama yang lain ialah pembangunan bersepadu pemprosesan dan pengeksportan produk-produknya secara besar-besaran pada tahun

1930-an. Ini melibatkan pengangkutan buah tandan segar (BTS) sawit ke kilang-kilang pemprosesan yang direka untuk pasaran eksport. Jadi, produk akhir yang kita hasilkan adalah lebih berkualiti berbanding produk sama yang dihasilkan di Afrika di mana para pengilang mereka masih lagi beroperasi secara kecil-kecilan. Pemprosesan bersepadu secara besar-besaran ini menjadi penanda aras bagi kualiti minyak sawit di seluruh dunia dan membantu industri ini yang masih baharu di Asia Tenggara ketika itu berkembang dengan lebih pesat.

Titik perubahan utama yang kedua pula berlaku pada tahun 1970-an. Dalam dekad ini, kerajaan Malaysia berusaha gigih membangunkan industri pemprosesan hiliran dan mempelbagai pengeluaran produk-produk sawit untuk tujuan eksport. Ini termasuklah penubuhan Institut Penyelidikan Minyak Sawit Malaysia (PORIM) yang merupakan satu langkah berwawasan yang membolehkan kerjasama di antara kerajaan dengan sektor swasta dipupuk dengan lebih erat dan berjaya. Ia juga menjadi platform untuk sektor minyak sawit berkembang dengan lebih terancang dan pesat; tidak hanya melalui eksport komoditi mentah tetapi juga meneraju aktiviti-aktiviti ekonomi bernilai tinggi.

Kita tidak harus memandang rendah status kita dari sudut sejarah. Saya percaya bahawa ahli-ahli sejarah akan merujuk kepada tahun-tahun ini sebagai zaman kemilauan minyak sawit Malaysia. Malah, kita mempunyai kelebihan yang besar dalam bidang teknologi yang boleh membawa minyak sawit Malaysia ke tahap yang lebih tinggi, jika dimanfaatkan.

S:Pada pandangan Datuk Seri, apakah pencapaian terbesar dalam industri sawit Malaysia?

J: Pada pandangan saya, pencapaian terbesar industri sawit Malaysia ialah kejayaan program memperkasakan pekebun kecil. Program ini telah berjaya mengubah kehidupan berjuta-juta rakyat Malaysia dan membawa mereka keluar daripada belunggu kemiskinan. Sebagai contoh, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) yang ditubuhkan ketika negara diambang kemerdekaan

mula memperkenalkan tanaman sawit pada 1961. Pada 1968, FELDA memperkenalkan penempatan pertama kepada peneroka-peneroka tanaman sawit dan peristiwa ini merupakan detik yang bersejarah bukan sahaja kepada FELDA tetapi juga Malaysia.

Pemberian hak milik tanah secara pegangan bebas kepada para peneroka dan bukan menjadikan mereka sebagai pekerja-pekerja kontrak juga merupakan satu idea yang tepat dan bijak. Konsep ini telah mencipta satu jaringan keselamatan ekonomi dan maruah kepada generasi masa depan golongan peneroka ini. Pegangan tanah dan sijil hak milik secara kekal bermakna para peneroka dapat menggunakan tanah ini sebagai cagar untuk membuat pinjaman kewangan untuk penambahbaikan, membeli tanah-tanah lain, memulakan pelbagai jenis perniagaan, membiayai pendidikan anak-anak, dan banyak lagi.

Projek-projek penempatan dan penanaman oleh FELDA telah berjaya membawa lebih 100,000 keluarga keluar daripada belunggu kemiskinan dalam tempoh 30 tahun. Dalam anggaran kasar, jumlah keluarga ini mewakili lebih daripada 1 juta rakyat Malaysia. Impak daripada projek-projek FELDA ini masih lagi dirasai pada hari ini terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar. Dan ia bukanlah satu kebetulan bahawa Malaysia mempunyai golongan kelas menengah yang besar pada hari ini dan dianggap sebagai negara yang berpendapatan sederhana tinggi. Hakikatnya, minyak sawit telah memainkan peranan utama dalam hal ini - kisah kejayaan Malaysia semestinya berkait rapat dengan kisah kejayaan industri minyak sawitnya.

S:Adakah Datuk Seri terfikir bahawa kadang kala minyak sawit Malaysia kurang dihargai?

J: Ya. Majoriti daripada kita sering terlepas pandang bahawa minyak sawit Malaysia berperanan besar dalam mempengaruhi kedua-dua pasaran minyak sayuran dan oleokimia global. Usaha-usaha dalam bidang penyelidikan, pembangunan produk, penjenamaan, promosi dan pemasaran yang Malaysia



lakukan dari tahun 1970-an merupakan asas-asas penting untuk industri sawit berkembang maju.

Semenjak 1962, pasaran global minyak sawit telah meningkat hampir kepada 500% dalam tempoh 20 tahun. Ini kerana, ketika itu, kita telah mempunyai kemahiran dalam memperkenalkan produk dengan spesifikasi tertentu untuk tujuan eksport ke pasaran yang terpilih, dan kita berjaya berbuat demikian dengan cekap. Dengan kebolehan kita ini, kita telah berjaya menguasai sebahagian besar pasaran minyak makan dunia.

Apabila industri oleokimia diperkenalkan di Malaysia pada 1979, ia juga memberi impak yang besar. Apa yang kita tidak sedar adalah produk-produk oleokimia kita begitu kompetitif sehingga ia mampu mendorong syarikat oleokimia di Amerika Syarikat dan Eropah berhenti daripada menggunakan bahan mentah seperti lemak khinzir dan beralih kepada bahan mentah berasaskan minyak sawit.

Minyak sawit Malaysia telah benar-benar mengubah dunia! Walau bagaimanapun, kesan negatif daripada senario ini adalah pelbagai industri di negara lain menganggap minyak sawit pada ketika itu - dan masih hingga ke hari ini - sebagai satu ancaman kepada mereka. Salah tanggapan ini telah memberi impak negatif kepada minyak sawit kita sehingga ke hari ini, dengan kempen-kempen anti minyak sawit yang masih berterusan terutamanya di Eropah.

Tetapi 2017 adalah detik untuk mengimbas kembali kejayaan-kejayaan dan pencapaian-pencapaian cemerlang industri sawit Malaysia serta mengucapkan tahniah kepada peneraju-peneraju dan para pemain industri yang membantu memakmurkan dan memperkasakan industri ini.

100
ANNIVERSARY
MALAYSIAN PALM OIL COUNCIL

THE CENTENNIAL CELEBRATION
18 MAY 2017
TENNAMARAM ESTATE

13

DAYS MORE TO GO

Bantuan kerajaan tingkat pendapatan pekebun kecil

Pada era pasca perindustrian, kerajaan melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sangat prihatin terhadap kebajikan pekebun kecil sawit terutama untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan pekebun kecil.

Hal ini membuktikan bahawa, keprihatinan kerajaan kepada pekebun kecil terus diberi perhatian dalam RMK10 di mana industri sawit dijadikan salah satu bidang keutamaan di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA).

Pada tahun 2011, sebanyak RM297 juta disediakan untuk penanaman semula dan penanaman baru sawit. Bantuan ini akan diteruskan sehingga tahun 2013. Manakala, bantuan input juga disediakan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia ke Sembilan (2006-2010) bagi menggalakkan pekebun kecil menerima guna teknologi.

Sebanyak RM50.47 juta diberikan untuk program bantuan anak benih berkualiti, sistem tanaman sawit dua baris serta integrasi ternakan dan tanaman. Tambahan sebanyak RM128 juta diberikan di bawah pakej Rangsangan Ekonomi Kedua untuk menanam senyawa sawit.

Selain itu, bermula dengan penubuhan pusat Tunjuk Ajar dan Nasihat (TUNAS) pada tahun 2003 yang bertujuan untuk membela nasib pekebun kecil kelapa sawit di samping memahami masalah dan kehendak bagi menyalurkan teknologi terkini untuk meningkatkan produktiviti. Aktiviti pusat TUNAS yang utama adalah ceramah teknikal, pertunjukan



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 1 - PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Nur Aqilah Auni Abdullah
SMA Syubbaniah
Batu Kurau, Perak

kaedah di ladang, lawatan nasihat dan lawatan sambal belajar.

Disamping bantuan input, MPOB juga menyediakan prasarana bagi meliputi gan-dakan keupayaan produktiviti pekebun kecil, salah satu daripadanya ialah penubuhan kelompok minyak sawit mampan atau sustainable palm oil cluster (SPOC). Di bawah SPOC, MPOB membangunkan koperasi pekebun kecil sawit mampan dan pensijilan amalan pertanian baik atau GAP.

Oleh yang demikian, semua pekebun kecil disarankan untuk mengambil peluang yang disediakan demi meningkatkan pendapatan keluarga dan misi nasional. Selain itu, penubuhan koperasi memberi peluang kepada pekebun kecil untuk bersatu di bawah satu payung.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, koperasi penanam sawit mampan (KPSM) berupaya membantu ahlinya yang terdiri daripada pekebun kecil sawit

meningkatkan pendapatan melalui hasil jualan buah tandan segar (BTS) sehingga melebihi 25 peratus berbanding dengan pendapatan pekebun sawit bukan ahli KPSM. KPSM akan mengumpul ahli yang terdiri daripada pekebun kecil sawit dan menjual hasil BTS secara berkelompok kepada kilang yang memproses BTS bagi menghasilkan minyak sawit mentah (MSM).

Jualan BTS secara terus dan berkelompok melalui KPSM kepada kilang sawit itu akan berpeluang mendapat tawaran kadar perahan minyak (OER) yang lebih tinggi daripada kilang berbanding OER yang ditawarkan oleh peniaga orang tengah atau peniaga BTS persendirian.

Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM153 juta untuk membantu pekebun kecil komoditi meningkatkan lagi pengeluaran hasil tanaman dan seterusnya meningkatkan pendapatan isi rumah.

Semakin ramai pekebun kecil sawit menjadi ahli KPSM, maka peluang mendapat tawaran OER lebih tinggi daripada kilang sawit lebih besar memandangkan kuantiti BTS yang dijual kepada kilang adalah besar.

Pada realitinya, semua koperasi akan menyediakan perkhidmatan pemasaran buah sawit bagi mendapat tawaran harga terbaik dan dalam masa yang sama akan menyediakan khidmat jualan input pertanian terutama baja.

MPOB telah merancang penubuhan 80 koperasi menjelang tahun 2016 dan sehingga Julai 2011 sebanyak 12 koperasi telah ditubuhkan.

Pekebun kecil raih pendapatan tambahan melalui bantuan kerajaan

Komoditi sawit merupakan komoditi utama yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi di Malaysia.

Tambahan pula, industri sawit Malaysia dijangka mempamerkan prestasi yang lebih baik pada tahun ini berbanding tahun sebelumnya.

Oleh hal yang demikian, pastinya kerajaan melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) semakin peka dan cakna dalam membantu golongan pekebun kecil dalam menjana dan meraih pendapatan tambahan melalui peningkatan produktiviti seiring dengan peningkatan permintaan dalam pasaran.

Dalam konteks ini, kerajaan melalui MPOB sangat komited menyediakan bantuan dan insentif kepada para pekebun kecil ini.

Hal ini demikian kerana, pembangunan sektor komoditi sangat berpotensi meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar.

Lantaran itu, penggunaan teknologi baru dan amalan mampan dalam memacu produktiviti pengeluaran hasil buah sawit adalah perlu dalam kalangan pekebun kecil bagi meraih pendapatan tambahan yang lumayan.

Tambahan pula, bantuan dan insentif yang disediakan oleh pihak kerajaan melalui MPOB kepada para pekebun kecil yang menanam semula atau mengusahakan tanaman baru ini adalah meliputi bantuan anak benih, baja, racun perosak dan juga bantuan integrasi tanaman dan ter-



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 2 - AWAM

Wan Abdul Azim
Wan Abdullah Sabary
Bandar Seri Kembangan,
Selangor

nakan bersama sawit.

Misalnya di bawah inisiatif Bidang Ekonomi Utara Negara (NKEA) Sawit, kerajaan telah menunjukkan kesungguhan melaksanakan program mempercepat tanaman semula dan tanaman baharu sawit untuk para pekebun kecil ini.

Bantuan ini dilihat lengkap dan menyeluruh melalui penyediaan kawasan dan penanaman sawit, pemberian anak benih yang berkualiti, baja dan juga racun untuk kawalan rumpai dan perosak.

Kerajaan melalui MPOB juga turut mewujudkan pelbagai skim bagi membantu para pekebun kecil ini meraih pendapatan tambahan. Antara skim yang diwujudkan adalah Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK), Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK), Skim Bantuan Baja, Koperasi Penanaman

Sawit Mampan (KPSM), Skim Diskaun Cantas (SKIDIC) dan lain-lain lagi.

Melihat kepada Program Transformasi Pekebun Kecil Komoditi, program ini merupakan satu usaha murni pihak kerajaan dalam meningkatkan penyebaran maklumat dan pengetahuan kepada para pekebun kecil yang meliputi penggunaan teknologi baru, amalan pertanian baik dan juga pelbagai bantuan yang disediakan kepada para pekebun kecil.

Contohnya jika dilihat melalui bantuan TBSPK, di dalam skim ini, para pekebun kecil yang layak akan menerima bantuan kewangan yang disediakan dalam bentuk penyediaan kawasan kebun, bekalan anak benih sawit berkualiti di samping mendapat bantuan baja bagi tahun pertama dan kedua.

Penubuhan Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) juga dilihat antara satu inisiatif pihak kerajaan yang lebih mesra dalam konteks mewujudkan satu sistem yang lebih kemas dan efisien dalam menyatukan para pekebun kecil melalui pengurusan aktiviti dan projek bersama bagi mewujudkan peningkatan produktiviti dan menjamin kualiti pengeluaran buah tandan segar (BTS) secara mampan, pembelian input secara berkelompok bagi mengurangkan kos dan penjualan berkelompok bagi mendapatkan harga yang tinggi dan seterusnya akan membantu meningkatkan pendapatan golongan pekebun kecil ini.

PERADUAN MENGARANG ESEI BERITA SAWIT BULAN MEI 2017

Peraduan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu pelajar sekolah menengah dan awam di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Kategori 1:
Pelajar Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga 5)
Tajuk: "Seabad industri sawit, pelbagai kejayaan dikecapi. Bincangkan".

Kategori 2: Awam
Tajuk: "Pelbagai cabaran dan kejayaan berjaya ditempuhi industri sawit dalam usia 100 tahun. Bincangkan".

Tiga pemenang utama setiap kategori akan menerima;
 ◎ Hadiah Pertama: **RM250**
 ◎ Hadiah Kedua: **RM200**
 ◎ Hadiah Ketiga: **RM150**

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan JUN 2017 akan datang.

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan April 2017

PEMENANG KATEGORI 1
Pelajar Sekolah Menengah

Hadiah Pertama
Nur Aqilah Auni Abdullah
SMA Syubbaniah
Batu Kurau, Perak

Hadiah Kedua
Qurratul Syazwani Suhaimi
SMK King George V
Seremban, Negeri Sembilan

Hadiah Ketiga
Nurul Adilah Mohd Tajuddin
SMA Syubbaniah
Batu Kurau, Perak

PEMENANG KATEGORI 2
Awam

Hadiah Pertama
Wan Abdul Azim
Wan Abdullah Sabary
Bandar Seri Kembangan,
Selangor

Hadiah Kedua
Nur Izzah Atira
Muhamad Nazmi
Ipoh, Perak

Hadiah Ketiga
Ahmad Marzuq Mohd Musa
Parit Buntar, Perak

Syarat Penyertaan

- ◎ **Kategori 1:** Terbuka kepada pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5
- ◎ **Kategori 2:** Terbuka kepada dewasa berusia 18 tahun ke atas
- ◎ Bukan kakitangan MPOB
- ◎ Panjang esei antara 500 - 700 patah kata
- ◎ Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah (Kategori 1 sahaja), alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan sertakan sekeping gambar ukuran pasport
- ◎ Keputusan juri adalah muktamad
- ◎ Tarikh tutup penyertaan ialah pada 22 Mei 2017
- ◎ Hantarkan penyertaan ke alamat:
Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor
u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Komunikasi Korporat)



Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong menandatangani plak perasmian fasiliti yang menempatkan sistem pra pembersihan isirung sawit bagi penghasilan ramuan makanan haiwan ternakan di Pulau Carey. Yang turut hadir Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Ketua Pengarah MPOB, Dr. Ahmad Kushairi Din dan Pengarah Urusan Sime Darby Plantation Sdn Bhd, Datuk Franki Anthony Dass.



Datuk Seri Mah Siew Keong bergambar bersama pekebun kecil sawit yang menyertai sesi Taklimat Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) di Teluk Intan, Perak baru-baru ini.



Datuk Seri Ahmad Hamzah menyampaikan sumbangan produk sawit kepada pekebun kecil sambil diperhatikan oleh Dr. Ahmad Kushairi Din ketika lawatan ke Stesen Penyelidikan MPOB Hulu Paka, Terengganu.



Isteri Pengerusi MPOB, Datin Seri Zainon Tun Ghafar bergambar bersama isteri Ahli PAC MPOB ketika kunjungan ke Melaka.



Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Dr Ahmad Kushairi Din bergambar bersama Ahli Penasihat Program (PAC) MPOB yang bermesyuarat bagi membincangkan hala tuju projek penyelidikan berkaitan sawit di Ibu Pejabat MPOB di Bangi, Selangor.

